



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN  
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN DESA HARAPAN**

**PADANG SEKOLAH SRI KINJANG  
KG. KINJANG, CHENDERANG, PERAK  
18 DISEMBER 2018 (SELASA) / 10.00 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Azumu

Menteri Besar Perak

Yang Berhormat Tuan Sivarasa K. Rasiah

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar

YB Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ahmad Jailani Bin Muhamed Yunus  
Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

YBrs. Tuan Haji Mohammad Yusoff Bin Abustan  
Pegawai Daerah Batang Padang

YBrs. Tuan Khairul Azhar Bin Mat Piah  
Penghulu Mukim Chenderiang

YBrs Tuan Abdul Aziz Bin Abdul Rahman  
Pengerusi MPKK dan Ketua Kampung, Kampung Kinjang

Rakan-rakan strategik daripada sektor korporat

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Pelancaran Program Desa Harapan pada hari ini.
2. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Perak, terutamanya YAB Menteri Besar Perak, SUK Perak dan Pejabat Daerah Batang Padang, atas kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan program Desa Harapan dan juga majlis pelancaran pada pagi ini. Bantuan, kerjasama dan sokongan daripada Kerajaan Negeri Perak adalah amat penting bagi memastikan kejayaan Program Desa Harapan ini, In sha Allah.

3. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan strategik swasta bagi Program Desa Harapan di Kampung Kinjang iaitu Berjaya Corporation Berhad, Celcom Axiata, Hume Cemboard Industries dan Universiti Kuala Lumpur, atas kesudian bekerjasama, menyokong dan menjadi perintis kepada Program Desa Harapan Kg Kinjang ini.

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

4. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, semenjak dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 21 Mei 2018 yang lalu, telah banyak program **turun padang saya** untuk memahami dan mendalami isu-isu yang berkaitan dengan luar bandar. Terdapat seramai 7.87 juta orang penduduk luar bandar, termasuk 2.6 juta belia luar bandar dan kira-kira 17,000 kampung yang perlu diberi perhatian. Saya sedar pembangunan luar bandar

merupakan satu agenda pembangunan yang penting dalam memastikan Malaysia dapat mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi, tanpa meminggirkan penduduk luar bandar.

5. Sehubungan itu, saya dan KPLB sentiasa berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaian, menambah baik program-program sedia ada serta meneroka idea dan cadangan program baharu yang boleh dilaksanakan untuk memberi faedah kepada penduduk luar bandar. Sehubungan ini, pada 29 Oktober 2018 yang lalu, saya telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar yang merupakan perancangan pembangunan luar bandar untuk tempoh 5 tahun bermula 2018 hingga 2023, berdasarkan aspirasi rakyat seperti mana yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan.

6. Pelan ini mengandungi 6 Teras, 29 Strategi dan 94 program yang merangkumi **pembangunan infrastruktur, ekonomi, keusahawanan, modal insan, wanita dan sistem penyampaian**. Melalui Pelan ini, saya yakin pembangunan luar bandar dapat dilaksanakan secara inklusif, mampu menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup serta memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah masyarakat luar bandar.

### **LATAR BELAKANG PROGRAM DESA HARAPAN**

7. Salah satu strategi di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar adalah menggalakkan penglibatan pihak korporat dalam pembangunan luar bandar. Dengan memadankan strategi tersebut dengan keperluan untuk

menyegerakan pembangunan luar bandar, lahirlah Program Desa Harapan. Program ini pada dasarnya juga mendapat perhatian Perdana Menteri bagi menjana pembangunan ekonomi yang mampan melalui jaringan kerjasama antara Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), badan-badan korporat dan penduduk kampung.

8. Program Desa Harapan julung kali diadakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar bermatlamat **membangunkan kampung dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar secara holistik** melalui **kerjasama strategik di antara KPLB dan sektor swasta**. Melalui program ini, kampung-kampung terpilih akan menjadi “kampung fokus” syarikat korporat, di mana program pembangunan sosio-ekonomi akan dilaksanakan berdasarkan konsep **Inkubator**.



## Tuan-tuan dan Puan-puan

9. Misi utama Program Desa Harapan ini adalah sebagai pemangkin pembangunan luar bandar melalui kerjasama strategik sektor kerajaan, dan korporat. Kerjasama strategik seperti ini bukan sahaja digalakkan di bawah era Malaysia Baharu ini, tetapi juga di peringkat antarabangsa di mana “4Ps” atau *Public, Private, People Partnership* merupakan salah satu agenda penting di bawah *ASEAN Ministers Meeting on Rural Development and Poverty Eradication*.

10. Melalui Program Desa Harapan, syarikat swasta yang selama ini melaksanakan projek-projek CSR secara bersendirian terutamanya di kawasan kampung dapat merealisasikan program jangka panjang yang mampan, yang diselaraskan bersama-sama dengan KPLB untuk

pengupayaan penduduk kampung menjana pendapatan mereka menerusi program-program inkubator yang bersesuaian.

11. Sekiranya kawasan kampung menjadi tempat yang mempunyai sumber pendapatan yang berterusan, penduduk kampung terutamanya golongan belia tidak perlu berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Ini seterusnya akan membolehkan proses pembangunan kampung dilaksanakan sendiri oleh penduduk kampung tersebut.

## **Tuan-tuan dan Puan-puan,**

12. Program Desa Harapan ini direka khusus untuk menyediakan kepelbagaian bentuk sokongan dan bantuan berdasarkan kepada keperluan kampung mengikut kepakaran syarikat-syarikat swasta yang terlibat. Sebagai contoh pembinaan atau baik pulih bangunan seperti balairaya, dewan serbaguna dan TABIKA boleh dilaksanakan oleh syarikat berkaitan pembinaan. Selain itu, syarikat-syarikat berkaitan juga boleh berkongsi ilmu serta pengalaman berkaitan aktiviti keusahawanan, termasuk pengeluaran produk-produk tempatan dan pengurusan inap desa bagi menarik minat golongan belia untuk berkecimpung dalam bidang tersebut.

13. Program Desa Harapan juga merupakan salah satu medium untuk mempromosikan inisiatif baharu KPLB terhadap pembangunan luar bandar agar seiring dengan pembangunan di kawasan bandar melalui kerjasama dengan pihak korporat.

14. Bagi merealisasikan hasrat penganjuran program ini, pencalonan dan pemilihan rakan-rakan strategik daripada syarikat swasta dan korporat adalah berdasarkan beberapa kriteria. Antaranya ialah rakan strategik harus **memiliki kemampuan dari segi dana**, disokong oleh **tenaga kerja yang mencukupi**, bersedia memberi **komitmen dalam aktiviti keusahawanan**, **berpengalaman menganjurkan program CSR** serta **kesudian dalam berkongsi kepakaran** dengan golongan sasaran.

15. Buat masa ini terdapat **25 syarikat swasta yang telah menyatakan kesediaan untuk menjadi rakan strategik KPLB** dalam pelaksanaan Program Desa Harapan. Empat daripada syarikat swasta tersebut iaitu Berjaya Corporation Berhad, Celcom Axiata, Hume Cemboard Industries dan Universiti Kuala Lumpur akan terlibat dalam Program Rintis Desa Harapan di Kampung Kinjang ini.

16. Manakala di antara kriteria pemilihan kampung adalah

16.1 **kesediaan dan komitmen pemimpin dan penduduk kampung untuk melibatkan diri dalam segala aktiviti dan program yang akan dilaksanakan,**

16.2 **mempunyai aktiviti ekonomi setempat yang berpotensi untuk dimajukan** dan

16.3 mempunyai kepelbagaian latar belakang penduduk untuk pembangunan holistik misalnya kanak-kanak, belia, usahawan, golongan miskin dan asnaf yang sesuai.

17. Program Desa Harapan akan mengetengahkan lapan (8) skop projek yang boleh dilaksanakan secara **inkubator** meliputi keusahawanan dan industri desa, alam sekitar dan teknologi hijau, kesihatan dan keselamatan, kerohanian, pendidikan, kemasyarakatan dan keceriaan, teknologi maklumat dan komunikasi serta sukan dan kebudayaan. Walau bagaimanapun, tidak semua skop tersebut akan dilaksanakan di setiap kampung terpilih dan tertakluk kepada potensi kampung, minat penduduk kampung, keadaan semasa serta kesudian rakan strategik dalam melaksanakan program berkaitan.

18. Apa yang penting, projek inkubator yang dilaksanakan tersebut akan dapat menjana hasil yang berterusan, dapat dikekalkan oleh penduduk kampung dan bukannya menjadi satu projek *one-off* sahaja. Penduduk kampung perlu memanfaatkan Program Desa Harapan ini dengan mempertingkatkan keupayaan mereka dalam menjana pendapatan menerusi sumber-sumber yang terdapat di kampung mereka.

19. Pada peringkat awal pelaksanaan Program Desa Harapan, bilangan kampung yang disasarkan adalah satu kampung bagi setiap negeri bagi tempoh 2 tahun (2019-2020) dan dijangka akan terus bertambah berdasarkan kejayaan dan komitmen syarikat korporat yang akan terlibat nanti. Ini lebih bermakna di dalam negara mendepani revolusi industri 4.0. Industri 4.0 yang didorong oleh revolusi digital telah pun melangkaui sektor pembuatan dan melibatkan sektor perkhidmatan. Saya amat teruja dan berharap supaya

program Desa Harapan ini dapat selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0

### **KG. KINJANG, CHENDERIANG**

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

20. Pada pagi ini, tuan-tuan dan puan-puan dapat berbangga kerana Kampung Kinjang telah dipilih di antara 17,000 buah kampung lain sebagai lokasi pertama projek perintis bagi Program Desa Harapan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penduduk Kampung Kinjang.

21. Kampung ini dipilih kerana mempunyai potensi untuk dimajukan dari sudut sosio-ekonomi kerana kedudukannya yang hampir dengan air terjun



lata kinjang, yang merupakan antara air terjun yang tertinggi di Asia Tenggara. Dengan kekuatan kedudukan Kampung Kinjang yang begitu hampir dengan air terjun lata kinjang, penduduk kampung boleh menjadikan tarikan ini sebagai peluang bagi mereka meningkatkan pendapatan dengan mensasarkan pelancong sebagai klien utama mereka. Namun, perkara ini memerlukan bantuan dan sokongan dari pihak korporat agar ianya dapat diperkasakan dan dimanfaatkan sebaik mungkin.

22. Kawasan Kampung Kinjang adalah seluas 233 hektar, dengan 430 orang penduduk dari 138 keluarga. Saya difahamkan bahawa kumpulan penduduk berumur 40 tahun dan ke atas merupakan kumpulan penduduk yang paling ramai mendiami kawasan kampung ini iaitu 41%, dan golongan belia adalah kira-kira 17%. Manakala golongan yang tidak bekerja dan tiada

maklumat pekerjaan adalah kira-kira 27%, satu jumlah yang saya rasakan agak tinggi.

23. Oleh itu, saya berharap Program Desa Harapan yang akan dilaksanakan di Kampung Kinjang ini dapat memberi manfaat kepada penduduk kampung terutamanya dalam mewujudkan peluang untuk menjana pendapatan.

## **SUMBANGAN DARIPADA RAKAN STRATEGIK**

Tuan-tuan dan puan-puan,

24. Sesuai dengan hasrat untuk melahirkan generasi berpendidikan di peringkat awal pendidikan kanak-kanak, Kementerian ini sangat komited bagi menggalas tugas tersebut dengan menyediakan sebuah TABIKA KEMAS sejak dari tahun 1971 di Kampung Kinjang ini. Bermula dengan penempatan pertama TABIKA KEMAS ini di Dewan Orang Ramai Kampung Kinjang, kemudian ianya dipindahkan ke Surau Kampung Kinjang pada tahun 1999 disebabkan oleh kerja-kerja membaik pulih dewan tersebut. Selepas hampir 20 tahun, sekali lagi, pada tahun 2019, lokasi TABIKA KEMAS ini akan berpindah ke tanah milik TABIKA KEMAS sendiri.

25. Segala kos pembinaan bangunan TABIKA ini dibiayai sepenuhnya oleh Hume Cemboard Industries melalui Program Desa Harapan ini. Pembinaan TABIKA KEMAS ini akan dapat memberi manfaat kepada anak-anak masyarakat di Kampung Kinjang. Konsep pembinaan melalui gotong-royong juga secara tidak langsung dapat memberikan pendidikan dan latihan tidak formal kepada penduduk kampung mengenai teknik binaan IBS-*Industrialised Building System*.

26. Selain itu, dalam mendepani arus pemodenan dan pembangunan ekonomi setempat, Kerajaan sentiasa mencari formula terbaik dalam memastikan aktiviti ekonomi masyarakat luar bandar dapat digerakkan dan dioptimumkan dengan berkesan. Melalui sokongan dalam pelbagai skim perniagaan, latihan dan platform yang disediakan oleh pihak kerajaan,

penduduk luar bandar berpeluang menikmati pelbagai manfaat melalui aktiviti keusahawanan. Dengan itu, melalui Program Desa Harapan pada hari ini, rakan strategik CELCOM AXIATA akan membantu memperluas kemahiran perniagaan melalui penyediaan kursus tentang kaedah promosi dan pemasaran produk secara atas talian sekaligus memberi manfaat dan peluang yang lebih luas kepada penduduk-penduduk Kampung Kinjang untuk meningkatkan pendapatan mereka.

27. Manakala, rakan strategik UniKL akan membantu dalam penyediaan latihan keusahawanan dan khidmat nasihat kepada belia/remaja yang bertujuan mengenalpasti potensi dan membentuk semangat keusahawanan di kalangan remaja Kampung Kinjang. Selain itu, UniKL turut menyumbangkan 140 anak pokok durian untuk dijadikan dusun pelancongan di Kampung Kinjang.

28. Berjaya Corporation pula akan melaksanakan projek kitar semula di Kampung Kinjang dengan melibatkan penduduk kampung. Hasil jualan daripada barangan kitar semula ini akan dinikmati oleh penduduk kampung dan dalam masa yang sama meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar. Program ini juga adalah selaras dengan salah satu strategi di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar iaitu melaksanakan projek rintis pengurusan sisa pepejal di kawasan luar bandar.

29. Bagi mengeratkan hubungan antara rakan strategik dengan penduduk kampung sepanjang program ini berlangsung, saya difahamkan bahawa terdapat aktiviti khidmat masyarakat yang melibatkan penyertaan dari kedua-dua belah pihak iaitu rakan-rakan strategik dan penduduk Kg. Kinjang. Antara program tersebut ialah program gotong royong pembersihan bangunan,

kawasan masjid atau sekolah di Kampung Kinjang oleh pelajar UniKL bersama penduduk kampung dan program gotong royong pembinaan TABIKA KEMAS. Saya berharap agar amalan ini dapat diperluas supaya dapat menyemai rasa kekitaan, saling menghormati dan bekerjasama dalam ekosistem perpaduan masyarakat di negara kita.

30. Pelancaran Program Desa Harapan pada hari ini juga akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti tarikan pengunjung antaranya pameran daripada syarikat korporat, pameran daripada agensi kerajaan, demonstrasi masakan, jahitan dan kraftangan oleh KEMAS serta jualan produk oleh masyarakat tempatan. Pihak UniKL turut menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan percuma kepada penduduk Kampung Kinjang sempena pelancaran Program Desa Harapan pada hari ini.

## **PENUTUP**

**Tuan-tuan dan puan-puan,**

31. Saya menyeru agar kepimpinan di peringkat akar umbi iaitu MPKK di sini dapat memainkan peranan yang diamanahkan dalam memastikan agar pembangunan di Kampung Kinjang ini dilaksanakan secara muafakat dan Program Desa Harapan yang dilancarkan pada hari ini dapat memberi faedah yang berterusan kepada penduduk kampung dan bukannya bersifat sementara sahaja.

32. Dalam hal ini, KPLB akan melaksanakan kajian penilaian impak terhadap Program Desa Harapan di kampung ini bagi menilai keberkesanannya serta membuat penambah baikan terhadap program ini di



masa akan datang. Saya amat berharap agar Program Desa Harapan di Kampung Kinjang ini akan menjadi *success story* yang boleh dibanggakan dan dijadikan teladan kepada kampung-kampung lain.

33. Saya juga berhasrat agar impak dan kisah-kisah kejayaan daripada Program Desa Harapan akan dapat dikumpulkan dan didokumentasikan sebagai tanda penghargaan kepada rakan strategik daripada sektor korporat serta usaha penduduk kampung dalam membangunkan dan memajukan kampung masing-masing. Melalui profil kisah kejayaan ini juga, diharapkan dapat menarik lebih banyak syarikat korporat untuk terlibat dalam Program Desa Harapan di masa akan datang. Selain itu, kejayaan program ini juga boleh dijadikan penanda aras dan program contoh bagi Program *Public, Private, People Partnership* di peringkat ASEAN terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan luar bandar dan pembasmian kemiskinan.

34. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Perak, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Azumu, Menteri Besar Perak, agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri Perak, terutamanya Pejabat Daerah Batang Padang atas sokongan padu terhadap penganjuran Program Desa Harapan yang buat julung kali diadakan ini.

35. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan strategik, Berjaya Corporation Berhad, Celcom Axiata, Hume Cemboard Industries dan Universiti Kuala Lumpur di atas kesudian menjadi rakan strategik kampung pertama hari ini daripada segi penajaan, kepakaran dan tenaga kerja sepanjang program ini berlangsung. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih

kepada semua 25 syarikat2 korporat yang telah memberikan komitmen jalinan strategik , warga KPLB termasuk agensi-agensi di bawah KPLB atas komitmen penuh dalam melaksanakan program ini.

36. Terima kasih juga kepada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kampung Kinjang, Pengerusi dan wakil MPKK serta semua penduduk Kampung Kinjang, Chenderiang ini yang memberikan kerjasama penuh dalam merealisasikan Program Desa Harapan ini.

37. Hari ini adalah permulaan bagi sebuah usaha besar yang kita akan jalankan untuk Program Desa Harapan di seluruh negara. Oleh itu, saya ingin menyeru agar semua pihak yang terlibat terutamanya belia-belia di Kampung Kinjang agar dapat turun padang dan melibatkan diri dalam semua aktiviti yang direncana agar hasilnya kelak akan dapat kita tuai dengan perasaan

bangga. Ingin saya tekankan sekali lagi, usaha kita tidak terhenti setakat hari ini tetapi perlu diteruskan bagi memastikan kejayaan penduduk kampung ini.

38. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Program Desa Harapan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN**  
**MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**  
**18 DISEMBER 2018**